

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASSAN BIN BAHROM  
[TAMPIN]**

**SOALAN**

**DATUK DR. HASSAN BIN BAHROM [TAMPIN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status muktamad berkaitan penyata hutang peneroka FELDA, sejauh mana penghapusan sebahagian nilai hutang yang diragui melalui Laporan Ketua Audit Negara 2018 dan berapa ramai peneroka mendapat manfaat.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 20 Oktober 2021, seramai 98,605 peneroka atau 87.54% daripada keseluruhan 112,638 peneroka mendapat manfaat dan telah menandatangani 'Perjanjian Penghapusan Pinjaman dan Pengurusan Kebun Antara FELDA dan Peneroka'. Tawaran penghapusan pinjaman ini adalah berdasarkan syarat peneroka perlu menghantar hasil atau menyerahkan pengurusan kebun kepada FELDA. Peneroka yang ingin menguruskan kebun sendiri juga disyaratkan menghantar hasil kebun kepada FELDA. Secara keseluruhannya, jumlah hutang peneroka FELDA yang akan dihapuskan secara bersyarat adalah RM8.32 bilion.

Sekian, terima kasih.

Disediakan Oleh : Muhamad Aziyan Hussim  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Pertanian  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Telefon : 019-2464028

Disemak Oleh : Zaeidah Mohamed Esa  
Pengarah  
Bahagian Pertanian  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Telefon : 019-911 2360

Diluluskan Oleh : Datuk Yatimah Sarjiman  
Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral)  
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

Telefon : 013-346 6939